

07/02/2003

Sultan murka pemaju tunjuk belang

Zainudin Isa

TEMERLOH: Sultan Pahang semalam kesal dengan keghairahan pemaju yang menarah kawasan lereng di Blue Valley, Cameron Highlands sehingga menjejaskan keindahan pusat peranginan tanah tinggi itu.

Baginda menyifatkan pemaju terbabit cuba menunjukkan `belang' sehingga tidak mempedulikan undang-undang serta denda yang pernah dikenakan terhadap perbuatannya itu.

"Kita orang Malaysia memang bersopan santun. Jadi kalau buat begini, usahlah nak tunjuk belang masing-masing.

"Di sini Pahang. Pahang ada raja. Saya rasa MB (Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob) sendiri tak bercadang nak memendekkan rezeki orang," katanya ditemui pemberita selepas menyampaikan kereta Proton Juara kepada

Rumah Kanak-Kanak Sinar Suria sumbangan Kumpulan DRB-Hicom, di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Baginda mengulas tindakan pemaju, Deng Seng Enterprise Sdn Bhd (Deng Seng) yang baru-baru ini dilaporkan menggunakan jentera berat untuk merata

dan membersihkan kawasan bekas ladang teh seluas 10 hektar, sehingga mencemarkan alam sekitar.

Kerajaan Pahang kelmarin membekukan serta merta semua projek pembangunan

tanah tinggi di Cameron Highlands, termasuk membabitkan kawasan yang dimajukan Deng Seng, sementara menunggu Akta Pemuliharaan Tanah 1960 dipinda.

Sultan Pahang bertitah, langkah kerajaan negeri membekukan sementara semua projek pembangunan di Cameron Highlands, dianggap tepat sebelum lebih banyak kerosakan dilakukan pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Titahnya, pemaju di Blue Valley sepatutnya mematuhi arahan kerajaan yang mengeluarkan notis menghentikan projek itu, walaupun kawasan itu milik persendirian.

Baginda berpendapat, perbuatan pemaju terbabit bukan saja membawa kesan pencemaran, juga mengakibatkan kesusahan kepada penduduk dan penanaman sayur di bawah bukit apabila aliran air tersekat.

"Saya dimaklumkan, banyak kerosakan yang dibuat, aliran air bukit tersekat. Kalau ada gerakan air tersekat, sayuran di bawah akan tenggelam.

Jadi, kita mesti fikir orang lain, sebab orang lain nak hidup juga.

"Dua hari lalu, saya, Menteri Besar dan Pegawai Daerah (Cameron Highlands - Haron Abdul Kader) diberitahu, bila disuruh alih mesin berat,

keesokan harinya 10 lagi mesin datang.

"Ini tidak sepatutnya berlaku, kita suruh dia balik, dia tambah 10 pula," titahnya.

Sehubungan itu, baginda sendiri akan meninjau dan berjumpa dengan

pemaju

kawasan berkenaan dalam lawatannya ke Cameron Highlands, 14 Februari ini.

"Saya cuma saya nak minta jasa baik tuan tanah dan pemaju itu, ikutlah teguran yang dibuat oleh pemerintah. Ini tanah milik, jadi kita minta kerjasamalah. Saya harap jasa baik Pegawai Daerah bila saya pergi, saya nak berjumpalah (dengan pemaju). Saya nak lihat sendiri, dulu pun saya pernah ke sana.

"Kerajaan negeri tidak berniat menutup rezeki pelabur atau pemaju tetapi mereka mestilah mematuhi undang-undang dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan. Saya percaya Menteri Besar tidak bercadang memendekkan rezeki sesiapa, tindakan membeku ini dibuat sementara saja.

"Tapi jangan nak mengajar kami pula. Jangan mengajar anak buah kami berenang, kami semua pandai berenang," titahnya.

Baginda juga meminta semua pihak termasuk media massa tidak memperbesar-besarkan isu itu kerana kerajaan negeri dan Pusat sedang berusaha menangani pemaju yang ingkar.

"Jadi kita kena ambil teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu kita mahu mengekalkan kecantikan tempat peranginan yang ada di Pahang, termasuk di Genting Highlands dan Bukit Fraser.

"Seperti kata Perdana Menteri, kalau bukit sudah diratakan, tak adalah tanah tinggi lagi. Apa yang penting, saya mahu pastikan rakyat saya di Pahang hidup aman dan harmoni," titahnya.